

18/02/1998

Jual barang kemas: Perak kumpul RM500,000

Dzulkfley Zanudin; Noor MM

WANITA negara ini perlu mengubah pandangan serta sanggup menerima trend setter baru termasuk dari segi penggunaan barang kemas yang sehati dengan jiwa mereka sejak dari kecil.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Perak, Ainon Khairiyah Datuk Mohd Abas, berkata memang sukar bagi wanita terutama di Utara Semenanjung berenggang dengan barang kemas kerana ia menjadi status quo dalam masyarakat sebagai satu gaya hidup.

Bagaimanapun, beliau dapati semakin ramai wanita moden terutama yang bekerja mampu mengikis tanggapan mengenai pemakaian barang kemas yang keterlaluan serta sanggup memakainya secara sederhana.

"Sesuai dengan kegawatan ekonomi negara sekarang, wanita perlu menunjukkan pengorbanan mereka kepada negara dengan menjual barang kemas yang tidak digunakan atau terlalu lama.

"Wang hasil jualan barangan itu pula boleh disimpan dalam bank untuk mengukuhkan kewangan negara. Bagaimanapun, saya tidak memaksa wanita menjual barang kemas jika ia mempunyai nilai peribadi termasuk pemberian ibu atau hadiah suami.

"Jika tidak menjual barang kemas pun, mereka masih boleh berkorban untuk membantu mengukuhkan ekonomi negara dengan mengamalkan dasar jimat cermat dalam perbelanjaan harian, menanam sayur untuk keperluan sendiri atau meningkatkan produktiviti kerja bagi mereka yang bekerja.

"Wanita sebagai ibu juga memainkan tanggungjawab penting bagi membimbing anak dalam pelajaran ketika di rumah sebagai pelaburan keluarga untuk tempoh jangka panjang," katanya.

Ainon yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi berbangga sempena pelancaran kempen menjual barang kemas persendirian bagi menggalakkan penabungan anjuran Wanita Umno Perak di Ipoh, baru-baru ini RM500,000 dikumpulkan untuk disimpan dalam bank.

Kempen itu dilancarkan Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak. Kira-kira 1,000 wanita serta tetamu khas hadir pada majlis itu dengan barangan kemas dibeli oleh sebuah kedai emas tempatan, S&D Jewellers, Ipoh dengan kerjasama bank perdagangan tempatan.

Menurut Ainon Khairiyah, aktiviti menabung itu akan diperluaskan ke peringkat bahagian dan cawangan bagi memberi peluang lebih ramai wanita luar bandar menyertainya selain mengubah sikap terhadap pemakaian barang kemas.

Katanya, jualan seumpama itu terutama barangan terpakai menerusi sistem jualan garaj memang sudah biasa di negara Barat bagi menjual barangan yang tidak lagi digunakan seseorang.

"Menerusi sistem itu, seseorang termasuk wanita dapat menjual barang kemas atau barangan lain dengan harga berpatutan manakala pembelinya turut mendapat manfaat," katanya.

Sempena kempen itu ada sesetengah wanita menjual barang kemas bernilai RM4,000 manakala emas Makkah milik seorang pelanggan lelaki dibeli dengan harga berpatutan.

Ditanya apa untungnya seseorang menjual barang kemas berbanding jika menyimpannya termasuk boleh dipajak ketika sesak, Ainon Khairiyah berkata hasil jualannya boleh disimpan dalam bank untuk dikeluarkan jika perlu.

"Jika seseorang wanita memajukannya, mereka masih perlu mencari wang untuk menebusnya serta nilainya turut susut mengikut pasaran semasa," katanya.

Sementara itu ketika pelancaran kempen itu, Ainon Khairiyah berkata, kegiatan itu membuktikan kemampuan Wanita Umno Perak mengumpul dana membantu institusi kewangan yang berdepan dengan kemelut ekonomi negara sekarang.

"Kejayaan program menjual barang kemas untuk disimpan dalam bank tidak diukur dari aspek transaksi, tetapi paling diutamakan ialah semangat pengorbanan wanita," katanya.

Beliau menghargai pembabitan wanita kerana mempunyai iltizam yang tinggi untuk bergerak serta memenuhi hasrat pucuk pimpinan negara bagi mengukuhkan kedudukan ekonomi semasa.

"Sebenarnya, kejayaan kempen menabung hasil usaha bersepadu pelbagai pihak termasuk institusi kewangan dan pihak swasta selain Wanita Umno, sejajar seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Menurutnya, aktiviti menjual barang kemas yang rosak atau lama yang tidak dipakai bukan berbentuk paksaan, tetapi sebagai unsur pengorbanan murni wanita terhadap negara.

Katanya, wanita boleh terus menjual dan melabur dalam bentuk simpanan, sekali gus mereka memperolehi keuntungan serta membantu menambah dana bank tempatan.

Beliau berkata, individu yang berminat menyertai aktiviti itu boleh berhubung terus dengan S&D Jewellers, Ipoh pada bila-bila masa untuk urusan penjualan barang kemas mereka.

(END)